

MOTIVASI INTRINSIK DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN EMPAT YANG MENGAMBIL MATA PELAJARAN SEJARAH

INTRINSIC MOTIVATION AMONG FORM FOUR HISTORY STUDENTS

M. Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Universiti Utara Malaysia
(Email: kavizakaviza@yahoo.com)

Accepted date: 14-05-2019

Published date: 07-07-2019

To cite this document: Kaviza, M. (2019). Motivasi Instrinsik dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat yang Mengambil Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31). 215-224.

DOI: 10.35631/IJEP.4310018

Abstrak: Kajian berbentuk tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dan konstruksinya, di samping mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik berdasarkan jantina, lokasi sekolah, aras pencapaian dan pengkhususan. Kajian ini melibatkan seramai 521 orang murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian melalui teknik persampelan rawak mudah. Soal selidik Intrinsic Motivation Inventory yang telah diadaptasi merupakan instrumen kajian ini. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap motivasi intrinsik dan konstruksinya berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik berdasarkan jantina dan aras pencapaian, manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik berdasarkan lokasi sekolah dan pengkhususan. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa guru sejarah perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap motivasi intrinsik melalui pelaksanaan strategi, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah yang menarik di dalam kelas.

Kata Kunci: Mata Pelajaran Sejarah, Motivasi Intrinsik, Murid Tingkatan Empat

Abstract: This survey study is aimed to identify the level of intrinsic motivation and its and to determine whether there is significant mean difference of intrinsic motivation-based gender, school location, achievement level and subject stream. This study involved a total of 521 Form Four students as samples using simple random sampling techniques. The questionnaire Intrinsic Motivation Inventory which has been adapted is the instrument of this study. The data of this study was analysed descriptively and inferred. The findings of this study showed that the intrinsic motivation and its construct at moderate level. In addition, the findings also showed that there are significant mean differences intrinsic motivation based gender and

achievement level. Therefore, the findings also indicated that there are no significant mean differences intrinsic motivation based school location and subject streams. The implication of this study suggests that history teachers need to play an important role in raising the level of intrinsic motivation through the implementation of interesting teaching strategies, methods, techniques and activities in the classroom.

Keywords: *History Subject, Intrinsic Motivation, Form Four Students*

Pendahuluan

Mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras yang dipelajari secara berterusan dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003). Penekanan tentang kepentingan mata pelajaran sejarah mulai tahun 2013 yang telah mewajibkan mata pelajaran sejarah sebagai syarat lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan suatu usaha untuk mengikis amalan murid yang melabelkan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran penghafalan. Dengan pengiktirafan nafas baru ini menyebabkan murid sedar bahawa ilmu sejarah dapat menyemai semangat patriotisme di samping dapat menanam nilai-nilai sejarah dalam kehidupan murid (Shakila Yacob, 2010). Tambahan pula, pengetahuan, kemahiran berfikir dan nilai murni merupakan antara aspek yang perlu disebutkan dalam sistem pendidikan sejarah seiring dengan penekanan perkembangan rohani, emosi, jasmani dan intelek dalam Falsafah Pendidikan Negara dalam usaha melahirkan masyarakat saintifik dan progresif (Abdul Razaq & Andi Suwirta, 2007). Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat mata pelajaran sejarah yang dihasratkan dalam kurikulum sejarah, elemen motivasi intrinsik merupakan salah satu aspek yang penting yang perlu diterapkan dan dipupuk dalam kalangan murid.

Latar Belakang Kajian

Motivasi intrinsik didefinisikan oleh Ryan dan Deci, (2000) sebagai dorongan dalaman atau kecenderungan untuk meneroka dan menguasai dunia dalaman dan luaran individu itu sendiri. Motivasi intrinsik juga merujuk kepada tingkah laku yang melibatkan perasaan seronok dan kepuasan yang terhasil daripada penglibatan individu dalam sesuatu aktiviti pembelajaran tanpa mengharapkan ganjaran (Deci & Ryan, 1985; Stipek, 2002). Murid yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi akan meneruskan proses pembelajaran tanpa dijanjikan ganjaran setelah menyelesaikan dan menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan di dalam kelas yang menunjukkan murid tersebut mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi dalam melakukan tugas yang telah diberikan untuk kepuasan diri sendiri tanpa mengharapkan sebarang ganjaran dan mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memahami sesuatu mata pelajaran yang dipelajari secara mendalam (Lawson, Fazey & Fazey, 2006; Pontious, 1997). Sungguhpun begitu, menurut Stipek, (2002) telah menyenaraikan beberapa kebaikan sekiranya seseorang murid mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi iaitu:

- a. Aktiviti pembelajaran dapat dimulakan oleh murid itu sendiri melalui inisiatif mereka tanpa disuruh atau diarahkan oleh guru
- b. Murid cenderung kepada cabaran iaitu murid yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi lebih suka untuk melakukan tugas yang lebih mencabar
- c. Murid dapat memahami sesuatu perkara secara konseptual iaitu murid dapat membuat perkaitan antara pembelajaran di sekolah dengan aktiviti yang berlaku di luar sekolah
- d. Murid dapat mengingati sesuatu pengetahuan dengan lebih baik apabila mereka lebih menghayati dan melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan penuh minat

- e. Murid lebih bermotivasi secara intrinsik kebiasaannya sentiasa mahu menyiapkan tugas yang diberikan dengan kadar segera tanpa melengah-lengahkannya
- f. Murid yang terlibat dengan proses pembelajaran secara aktif dan sentiasa berasa seronok untuk melakukan tugas yang diberikan serta berasa bangga dengan pencapaian mereka.

Walaubagaimanapun, motivasi intrinsik juga didapati berupaya untuk menggalakkan kreativiti dalam kalangan murid (Moneta & Siu, 2001), sentiasa bersifat proaktif dan suka memilih tugas yang mencabar dan lebih tekun dalam proses pembelajaran (Ferrer-Caja & Weiss, 2002). Justeru, dapat dirumuskan bahawa motivasi intrinsik merupakan dorongan dan kehendak yang datang dari dalam diri individu yang dapat menggalakkan seseorang murid tersebut untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran mereka sekiranya mereka mempunyai tahap motivasi instrinsik yang tinggi. Maka, para guru perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi intrinsik dalam kalangan murid melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik, inovatif, kreatif, dan mencabar di dalam kelas.

Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa motivasi intrinsik merupakan salah satu elemen yang menentukan keberkesanan sesuatu proses pembelajaran sejarah dalam kalangan murid yang sering beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran yang membosankan dan kurang menarik (Ch'ng, 2005; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996) yang mempunyai kaitan dengan motivasi intrinsik dalam kalangan murid yang dijana melalui aktiviti pembelajaran di dalam kelas (Fadzilah Sulaiman, 2010). Hal ini kerana motivasi intrinsik yang tinggi dalam kalangan murid adalah berpotensi untuk mencapai matlamat kurikulum sejarah yang bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara dan dunia dengan memupuk dan memperkukuh identiti diri serta semangat setia akan negara sebagai warganegara Malaysia (PPK, 2003). Sehubungan dengan itu, tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah masih belum diketahui walaupun mata pelajaran Sejarah telahpun dimartabatkan sebagai salah satu mata pelajaran teras yang wajib lulus setanding dengan kedudukan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan SPM. Maka, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid bagi menyediakan maklumat kepada para guru sejarah dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berupaya untuk meningkatkan lagi tahap motivasi intrinsik dalam diri murid-murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran sejarah serta dapat mendorong mereka untuk meningkatkan lagi prestasi mata pelajaran sejarah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini:

1. Mengetahui tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah dari segi minat, persepsi kompetensi, usaha, tekanan, persepsi pilihan, kebergunaan dan keberkaitan.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik berdasarkan jantina, lokasi sekolah, aras pencapaian dan pengkhususan

Soalan Kajian

Soalan kajian ini:

1. Adakah tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah dari segi minat, persepsi kompetensi, usaha, tekanan, persepsi pilihan, kebergunaan dan keberkaitan?
2. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik berdasarkan jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik berdasarkan lokasi sekolah?
4. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik berdasarkan aras pencapaian?
5. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik berdasarkan pengkhususan?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan jantina.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan lokasi sekolah.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan aras pencapaian.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan pengkhususan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid. Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada *Intrinsic Motivation Inventory* yang dibina oleh Deci dan Ryan, (1985) yang terdiri daripada 45 item yang merangkumi tujuh konstruk iaitu minat, persepsi kompetensi, usaha, tekanan, persepsi pilihan, kebergunaan dan keberkaitan yang telah diterjemahkan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dengan kaedah “*back to back translation*” (Neuman, 2000) dan telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alfa* iaitu 0.93 yang dianggap baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Walaubagaimanapun, terdapat 16 item atau pernyataan negatif dalam soal selidik ini telah dikodkan semula sebelum proses penganalisan data dilakukan. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan statistic inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24. Interpretasi tahap dan skor min motivasi intrinsik dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap seperti yang ditunjukkan pada jadual 1 yang diadaptasi daripada kajian Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, (2004).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min dan tahap Motivasi Intrinsik

Min	Tahap
5.01 – 7.00	Tinggi
3.01 – 5.00	Sederhana
1.00 – 3.00	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, (2004)

Dapatan Kajian

Soalan Kajian 1

Apakah tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah dari segi minat, persepsi kompetensi, usaha, tekanan, persepsi pilihan, kebergunaan dan keberkaitan?

Berdasarkan Jadual 2, min motivasi intrinsik ($M=3.95$, $SD=0.35$) dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana. Kesemua konstruk dalam motivasi intrinsik juga berada pada tahap sederhana. Sungguhpun begitu, konstruk minat menunjukkan min yang lebih tinggi ($M=4.14$, $SD=0.57$) berbanding dengan konstruk yang lain iaitu usaha ($M=4.00$, $SD=0.366$), kebergunaan ($M=3.96$, $SD=1.13$), tekanan ($M=3.95$, $SD=0.57$), persepsi kompetensi ($M=3.92$, $SD=0.92$), keberkaitan ($M=3.90$, $SD=0.50$), dan persepsi pilihan ($M=3.84$, $SD=0.52$) dalam kalangan murid. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap motivasi intrinsik dan kesemua konstraknya dalam kalangan murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran sejarah berada pada tahap sederhana.

Jadual 2: Min dan Tahap Motivasi Intrinsik dan Konstraknya

	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
Motivasi Intrinsik	3.95	0.35	Sederhana
a. Minat	4.14	0.57	Sederhana
b. Persepsi kompetensi	3.92	0.92	Sederhana
c. Usaha	4.00	0.66	Sederhana
d. Tekanan	3.95	0.57	Sederhana
e. Persepsi pilihan	3.84	0.52	Sederhana
f. Kebergunaan	3.96	1.13	Sederhana
g. Keberkaitan	3.90	0.50	Sederhana

Soalan kajian 2

Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan jantina?

Berdasarkan Jadual 3, min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi murid lelaki ($M=4.02$, $SD=0.35$) berbanding dengan murid perempuan ($M=3.90$, $SD=0.34$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.32$, $p=0.57$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 4 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(519) = 3.82$, $p=0.00$] antara murid lelaki dan murid perempuan. Justeru, H_{01} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min motivasi intrinsik adalah berbeza antara murid lelaki dengan murid perempuan.

Jadual 3: Statistik Deskriptif

Jantina	N	<i>M</i>	<i>SD</i>
Lelaki	240	4.02	0.35
Perempuan	281	3.90	0.34

Jadual 4: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Motivasi Intrinsik Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min									
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan		
	<i>F</i>	<i>p</i>						Bawah	Atas	
Perbezaan Min	0.32	0.57	3.82	519	0.00	0.11	0.03	0.06	0.17	

*Pada aras signifikan 0.05

Soalan kajian 3

Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan lokasi sekolah?

Berdasarkan Jadual 5, min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi sekolah luar bandar ($M=3.97$, $SD=0.32$) berbanding dengan sekolah bandar ($M=3.93$, $SD=0.38$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=7.77$, $p=0.50$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(519) = 0.22$, $p=0.00$] antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Justeru, H_{02} gagal ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min motivasi intrinsik adalah sama di sekolah luar bandar dan sekolah bandar.

Jadual 5: Statistik Deskriptif

Lokasi Sekolah	N	M	SD
Bandar	175	3.93	0.38
Luar bandar	346	3.97	0.32

Jadual 6: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Motivasi Intrinsik Berdasarkan Lokasi Sekolah

	Ujian-t bagi persamaan min									
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan		
	<i>F</i>	<i>p</i>						Bawah	Atas	
Perbezaan Min	7.77	0.50	-1.24	519	0.22	-0.04	0.03	-0.10	0.02	

Soalan kajian 4

Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan aras pencapaian?

Berdasarkan Jadual 7, min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian tinggi ($M=4.01$, $SD=0.32$) berbanding dengan murid berpencapaian rendah ($M=3.92$, $SD=0.36$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=4.44$, $p=0.38$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 8 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(519) = -2.80$, $p=0.01$] antara murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah. Justeru, H_{03} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min motivasi intrinsik adalah berbeza antara murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah.

Jadual 7: Statistik Deskriptif

Aras pencapaian	N	M	SD
Pencapaian rendah	312	3.92	0.36
Pencapaian tinggi	209	4.01	0.32

Jadual 8: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Motivasi Berdasarkan Aras Pencapaian

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>						Bawah	Atas
Perbezaan Min	4.44	0.36	-2.80	519	0.01	-0.09	0.03	-0.15	-0.03

*Pada aras signifikan 0.05

Soalan kajian 5

Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan berdasarkan pengkhususan?

Berdasarkan Jadual 9, min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi pengkhususan sastera ($M=3.98$, $SD=0.34$) berbanding dengan murid aliran sains ($M=3.93$, $SD=0.36$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=1.10$, $p=0.30$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 10 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(519)=-1.73$, $p=0.09$] antara pengkhususan sains dan sastera. Justeru, H_{04} gagal ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min motivasi intrinsik adalah sama antara pengkhususan sains dan sastera.

Jadual 9: Statistik Deskriptif

Pengkhususan	N	M	SD
Sains	260	3.93	0.35
Sastera	261	3.98	0.34

Jadual 10: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Motivasi Intrinsik Berdasarkan Pengkhususan

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>p</i>						Bawah	Atas
Perbezaan Min	1.10	0.30	-1.73	519	0.09	-0.05	0.03	-0.11	0.01

*Pada aras signifikan 0.05

Perbincangan Kajian

Hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa tahap motivasi intrinsik yang sederhana dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah adalah selaras dengan kajian Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, dan Nur Syazwani Abdul Talib, (2016) yang menjelaskan bahawa motivasi belajar sejarah yang tinggi mempunyai kaitan yang signifikan dengan penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Hal ini kerana motivasi intrinsik yang dijana dalam diri murid membolehkan mereka lebih

mudah untuk mempelajari mata pelajaran sejarah, di samping membolehkan mereka dapat memahami sesuatu kandungan atau topik dalam mata pelajaran sejarah dengan lebih mendalam. Kesemua konstruk dalam motivasi intrinsik yang berada pada tahap sederhana menunjukkan bahawa murid-murid telahpun mempunyai dan menjana aspek minat, persepsi kompetensi, usaha, tekanan, persepsi pilihan, kebergunaan dan keberkaitan semasa mereka menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Perkara ini adalah selaras dengan pendapat Ryan dan Deci, (2000) yang mencadangkan bahawa seseorang individu boleh dikatakan bermotivasi sekiranya mereka menguasai sekurang-kurangnya tiga konstruk dalam motivasi intrinsik yang diukur. Hal ini kerana dengan adanya minat dan dorongan dari dalaman, murid tersebut akan sentiasa bermotivasi dan mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran yang diminati dengan menyelesaikan segala permasalahan dan kesulitan yang telah dihadapi bagi mencapai matlamat pembelajaran yang ingin dicapai (Brophy, 1998; Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamaruddin, 2016). Sungguhpun begitu, galakan dan dorongan dari dalaman dalam diri murid adalah sangat penting bagi memastikan murid sentiasa merasakan bahawa mereka sentiasa berminat dengan mata pelajaran sejarah yang memberi impak secara tidak langsung kepada keberhasilan murid seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, (KPM, 2013). Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini telah melaporkan aspek demografi menunjukkan perbezaan min motivasi intrinsik iaitu jantina dan aras pencapaian telah mempamerkan perbezaan yang signifikan, manakala lokasi sekolah dan pengkhususan telah mempamerkan perbezaan yang tidak signifikan dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Norlia Abdul Aziz, T.Subahan M.Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2006), Muhammad Aizat Nordin dan Siti Huzaiifah Mohammad, (2018), Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mohamad, (2011) dan Ang dan Salmiza Saleh, (2014) yang telah mendapati demografi dan motivasi adalah saling berhubungan secara signifikan mahupun secara tidak signifikan berdasarkan jantina, pengetahuan awal, lokasi sekolah, aliran agama dan sebagainya. Hal ini kerana alam pembelajaran seseorang murid didapati mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran secara optimum dengan meningkatkan kecenderungan dan minat dalam diri murid tersebut (Noriati A. Rashid, Boon, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009; Suppiah Nachiappan et al, 2009).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, motivasi intrinsik merupakan salah satu elemen penting yang perlu dijana dalam kalangan murid. Tahap motivasi intrinsik yang sederhana dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah telah mencadangkan semua pihak sama ada pihak guru mahupun pihak PPK perlu berganding bahu untuk merancang dan melaksanakan strategi pembelajaran yang lebih menarik dan bersesuaian untuk meningkatkan tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid dengan menguasai kandungan mata pelajaran sejarah yang telah disarankan dalam kurikulum sejarah agar minat dan dorongan untuk belajar mata pelajaran sejarah juga dapat dipertingkatkan secara tidak langsung. Proses penambahbaikan kepada proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah yang sedia ada adalah diperlukan dengan memupuk keinginan dalaman dalam diri murid untuk mempelajari mata pelajaran sejarah dengan lebih baik dengan suasana pembelajaran yang menyeronokkan selaras dengan pelaksanaan strategi pembelajaran abad ke-21 yang menggalakkan penglibatan aktif bagi menjana proses pemikiran kritis dan kreatif.

Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press.
- Ang, B.S. & Salmiza Salleh Saleh. (2014). Pengaruh Faktor Jantina dan Lokasi Sekolah ke atas Motivasi Belajar Fizik dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Sains dan matematik Malaysia*, 4(2), 80-90.
- Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamaruddin. (2016). Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(2), 2016: 83 – 92.
- Brophy, J. (1998). *Motivating Students to Learn*. New York: McGraw-Hill.
- Ch'ng, S. H. (2005). *Penggunaan ICT Untuk Memperkembangkan Pengetahuan, Kreativiti Dan Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination of Human Behavior*. New York: Plenum.
- Fadzilah Sulaiman (2010). *Keberkesanan Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Berpencapaian Akademik Rendah Dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ferrer-Caja, E. & Weiss, M. R. (2002). Cross-Validation Of A Model Of Intrinsic Motivation With Students Enrolled In High School Elective Courses. *The Journal of Experimental Education* 17(1), 41 – 65.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mohamad. (2011). Sikap dan motivasi Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1, (1), 13-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychologist Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Lawson, R.J., Fazey, D.M.A. & Fazey, J.A. (2006). Constructively Aligned Teaching Methods and their Impact on Students' Approaches to Learning and Motivational Orientations. In C. Rust (ed). *Improving student learning through assessment*. Oxford: Oxford Centre for Staff Development.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44-56.
- Moneta, G.B. & Siu, C.M.Y. (2001). *Intrinsic motivation, academic performance, and creativity in Hong Kong college students*. Department of Psychology, Chinese University of Hong Kong, Hong Kong.
- Muhammad Aizat Nordin & Siti Huzaifah Mohammad. (2018). Hubungan antara motivasi sendiri dan pencapaian matematik pelajar tingkatan lima di daerah Rompin. Prosiding Seminar ICOMPEX18.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (4th ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2004). *Kemahiran mendengar Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar.

- Norlia Abd Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2006). Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan empat. *Jurnal Pendidikan*, 31, 123-141.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd ed). New York: McGraw Hill.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: PTS.
- Pontious, M. (1997). Motivation, the Standards, and Self-directed Learning. Wisconsin School Musician. <http://www.dpi.state.wi.us/dpi/dlsis/cal/mumotivation.html> [4 Mei 2018].
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ryan, R., & Deci, E. (2000). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definition and New Directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54-67.
- Shakila Yacob. (2010). Ilmu Sejarah Membina Negara. *Utusan Malaysia*. 19-10.2010
- Stipek, D. (2002). *Motivation to Learn. From Theory to Practice. Integrating Theory and Practice* (4thEd). Boston: Allyn and Bacon.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalizah Hamzah. (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Selangor: Oxford Fajar.